



SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 2 /2022

Ketua-Ketua/ Pengurus-Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMBEKALAN DAN PEMBAYARAN SECARA ONE-OFF KIT UJIAN KENDIRI SALIVA KEPADA KAKITANGAN YANG MENJADI KONTAK RAPAT YANG BERISIKO TINGGI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan HCTM Bil. 6/2022 bertarikh 22 Februari 2022 bersetuju pembekalan dan pembayaran secara one-off kit ujian sendiri saliva kepada kakitangan yang menjadi kontak rapat yang berisiko tinggi. Pembayaran adalah berdasarkan jumlah nilai resit dengan had nilai maksimum RM50.00 seorang dan ianya adalah untuk tuntutan bagi tahun 2022 sahaja.

Proses tuntutan pembayaran boleh dibuat setelah mendapat pengesahan daripada Ketua PTJ atau Pegawai yang bertanggungjawab (PIC Covid-19) di Jabatan masing-masing. Pengesahan daripada PTJ perlulah mengikut prosedur yang telah dibangunkan oleh Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan iaitu Prosedur Mengurus Kontak Rapat Covid-19 Bagi Petugas Kesihatan.

Kakitangan perlu mengemukakan tuntutan tersebut ke Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu sebelum diserahkan ke Jabatan Kewangan untuk urusan pembayaran. Bersama-sama ini dilampirkan carta alir bagi menguruskan pembayaran secara one-off untuk rujukan PTJ bagi memudahkan proses untuk tuntutan dan bayaran kepada kakitangan.

Diharapkan pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan maklum berkaitan perkara ini, kerjasama dan perhatian yang diberikan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

WAN OMI BINTI WAN YUSSOP C.A. (M)

Ketua

Jabatan Kewangan, HCTM



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2015

Cert. No. : QMS01547

UNIT BAYARAN, BAHAGIAN KAWALAN & BAYARAN, JABATAN KEWANGAN, HCTM

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur. Telefon: +603 – 9145 5226/5225/5187/5239 Faksimili: +603 – 9145 6649 Laman Web: Laman

Web: <https://hctm.ukm.my/kewangan/>



**CARTA ALIR PENGURUSAN PEMBEKALAN DAN PEMBAYARAN ONE-OFF KIT UJIAN KENDIRI
SALIVA BAGI KAKITANGAN YANG MENJADI KONTAK RAPAT YANG BERISIKO TINGGI**

